

Hasil laut makin terancam

Sinar Harian 11/9/2018

MIS 18

Pendaratan 21,000 tan metrik ikan setahun tidak mampu tampung keperluan rakyat

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Berapakah jumlah terkini pendaratan ikan di Terengganu dalam tempoh setahun?

Dr Azman: Kita mempunyai pesisir pantai paling panjang di Malaysia iaitu 244 kilometer (km) dari Besut hingga Kemaman. Semua daerah di Terengganu memiliki pantai kecuali Hulu Terengganu. Kita juga ada 14 muara sungai.

Pesisir pantai yang panjang menjadikan profesion nelayan antara kerja utama rakyat Terengganu. Rekod pendaratan ikan di Jeti-jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) seluruh negeri kira-kira 21,000 tan metrik setahun.

Terdapat juga pendaratan ikan di tempat-tempat lain seperti di sepanjang pantai dan jeti-jeti persendirian yang tak direkodkan secara tepat. Walaupun begitu, jumlah itu masih belum mencukupi keperluan ikan untuk 1.2 juta rakyat Terengganu sebanyak kira-kira 40 ribu tan metrik setahun.

Berdasarkan laporan media, pendaratan ikan di Terengganu mengalami kemerosotan. Apakah penyumbangnya?

Dr Azman: Faktor utama kemerosotan pendaratan ikan ialah sumber ikan di laut yang semakin berkurangan. Rizab hasil laut kita telah berada pada tahap warna merah berbanding di Sabah masih ditahap kuning. Pelbagai faktor menjadi penyebab berkurangnya hasil laut antaranya pencerobohan nelayan asing dari Vietnam dan pencerobohan pukat tunda.

Nelayan Vietnam biasanya menceroboh menggunakan pukat ganding dengan menggunakan dua bot tarik pukat sepanjang 150 meter. Dari dasar laut sampai ke atas. Habis anak cucu keturunan laut dikaut.

Begin juga pukat tunda. Di pelabuhan ikan Chendering. Dulu ada 80 buah bot laut dalam kelas

Walaupun terkenal sebagai sebuah negeri pengeluar dengan hasil laut, masih ramai yang hairan mengapa harga makanan laut terutama ikan di negeri ini agak mahal berbanding di tempat lain.

Ibu harga makanan yang tinggi khususnya melibatkan hasil laut sering mengundang kritikan pengguna termasuk pelancong yang berkunjung ke negeri ini.

Sinar Harian mendapatkan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim bagi mendapatkan penjelasan keadaan terkini di dalam temu bual bertajuk Kenapa Hasil Laut Mahal menerusi SinarLive, semalam.

kokot. Dia 'kokot' (kaut) semua yang ada dalam laluan. Unjam dan bubu juga habis dikaut.

Dalam masa yang sama, muara sungai Terengganu berhadapan dengan isu muara cetek yang mendatangkan masalah kepada bot nelayan untuk keluar masuk ke muka kuala. Masalah muara cetek inilah antara yang menjadi penyebab utama bot-bot nelayan Terengganu terpaksa mendaratkan hasil tangkapan di negeri lain.

Nelayan sebelah utara Terengganu terpaksa ke Tok Bali Kelantan untuk mendaratkan hasil tangkapan dan nelayan di sebelah selatan Terengganu terpaksa ke Kuantan. Ikan yang didaratkan di negeri lain memerlukan pengangkutan untuk balik ke Terengganu. Inilah antara faktor berkurangnya pendaratan hasil tangkapan di Terengganu dan penyumbang peningkatan harga ikan di Terengganu.

Bagaimana penyelesaiannya?

Dr Azman: Masalah muara cetek dan kekurangan infrastruktur di pelabuhan atau jeti pendaratan adalah isu besar dengan penyelesaiannya memerlukan usaha sama antara pelbagai jabatan peringkat negeri dan pusat termasuklah ia melibatkan kos yang sangat besar.

Kita dah buat pertemuan dengan masyarakat nelayan yang keluar masuk muara setiap hari mencari rezeki. Kita juga dah mendapat taklimat dari jabatan bertanggungjawab berkaitan pelan tindakan menangani isu ini. Walau ini isu besar, tapi tiada yang lebih besar bagi sebuah kerajaan ialah untuk mengutamakan kepentingan rakyat.

Saya ambil contoh, di pelabuhan ikan Chendering. Dulu ada 80 buah bot laut dalam kelas

C2 yang berdaftar. Sekarang hanya tinggal sebuah saja yang mendarat di Chendering.

Apakah faktor menyebabkan harga ikan tinggi, adakah disebabkan orang tengah, permintaan tinggi atau kurang bekalan?

Dr Azman: Tentu sekali harga ikan di pasaran dipengaruhi faktor bekalan dan permintaan. Bila jumlah bekalan rendah sementara permintaan tinggi, harga akan naik. Kadar pendaratan ikan di Terengganu tak mencukupi keperluan rakyat.

Orang Terengganu suka makan ikan. Ada kajian menyatakan, suka makan ikan antara faktor kenapa rakyat Terengganu cerdik. Kurangnya bekalan yang berkaitan terus dengan kurangnya sumber ikan di laut telah menyebabkan berkurangnya jumlah pendaratan ikan di jeti dan kompleks LKIM.

Kekurangan ini menjadi lebih ketara kerana nelayan Terengganu terpaksa mendarat hasil tangkapan di negeri lain kerana faktor muara dan infrastruktur jeti

dan pelabuhan.

Kita takboleh nafikan peranan orang tengah dari segi pemasaran kerana nelayan tak akan mampu memasarkan hasil tangkapan mereka sendiri. Saya tak kisah sangat kalau nelayan jual ikan malah sebab nelayan dapat hasil lebih.

Mereka yang menyabung nyawa di lautan. Tapi saya agak 'concern' sekiranya orang tengah yang kaut lebih sehingga akhirnya membebankan pengguna. Ini tak adil dan tak sepatutnya berlaku.

Soalan: Adakah kerajaan baharu pimpinan Pas mampu menyelesaikan isu harga hasil laut ini?

Dr Azman: Tentu sekali kita berusaha untuk menyelesaikan isu ini. Ada beberapa usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memperkayakan sumber ikan di laut antaranya melabuhkan tukun dan unjam:

Dalam tempoh 3 bulan saya sebagai Exco Pertanian, kita telah melabuhkan tukun di Perairan Besut dan dua kali Program Labuh Unjam di Marang dan Dungun. Tukun dan unjam ialah rumah ikan. Bezanya hanya satu iaitu tukun memakan kos berbelas ribu sementara kos unjam hanya sekitar RM250 sahaja.

Mudah difahami, tukun ialah rumah banglo sementara unjam rumah awam kos rendah. Dalam masa yang sama tukun boleh berfungsi sebagai zon penampang pukat tunda. Dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) kerajaan negeri telah memperuntukkan RM6.9 juta untuk program tukun. Pada tahun 2018 sebanyak

RM250,000 telah diperuntukkan kerajaan negeri untuk Program Tukun.

Kedua, proses mendalamkan dan menaik taraf Pelabuhan Chendering.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM500,000 bagi tujuan kajian hidrografi untuk mendalamkan dan menaik taraf Pelabuhan Chendering dalam rangka untuk kita menggamit kembali bot-bot nelayan laut dalam mendarat di Chendering.

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyelesaikan terma rujukan bagi kajian ini dan proses selanjutnya ialah melantik perunding. Apabila proses kajian ini siap, diharapkan kerja-kerja mendalamkan dan naik taraf pelabuhan akan dimulakan segera.

Pembinaan benteng pemecah ombak bagi membolehkan bot nelayan mendarat dan berlabuh dengan selamat. Terkini Insha-ALLAH, Projek Pembinaan Benteng Pemecah Ombak di Kerteh dalam Dun Kemasik.

Bagaimana pula untuk atasi isu pencerobohan?

Dr Azman: Isu pencerobohan nelayan asing antara mimpi negeri bagi nelayan kita. Walaupun penguatkuasaan berada dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan, tapi kita sebagai kerajaan negeri tidak berdiam diri. Bagi pihak kerajaan negeri, saya telah berbincang dengan pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) supaya gabung jalin dalam tindakan dapat diambil.

Tambahan pula, dengan pantai yang panjang dan terbuka menjadikan Terengganu negeri yang paling berisiko terdedah kepada pencerobohan nelayan asing. Ekoran dari pencerobohan nelayan Vietnam yang berleluasa, kerajaan negeri telah memutuskan untuk menghantar nota bantahan diplomatik kepada Vietnam dan Kesatuan Eropah (EU). Kenapa perlu hantar kepada EU? Kerana EU ialah pengimpor hasil laut utama Vietnam.

Keempat, telah beberapa kali siri pertemuan antara Exco Pertanian dan nelayan diadakan di serata negeri. Kita ingin menyelami jerit perih kehidupan mereka secara dekat sambil berusaha untuk membantu sedaya yang mampu.

Kelima, soal kebijakan nelayan seperti projek perumahan nelayan.



Dr Azman (kanan) sedang diwawancara wartawan Norhasida Yatim menerusi SinarLive, semalam.